

Adat Resam dan Pantang Larang

ETNIK BONGGI

Oleh: RAYMOND MAJUMAH

Etnik Bonggi merupakan masyarakat minoriti yang mendiami Pulau Banggi di Kudat, Sabah yang terletak di bahagian paling utara tanah besar Pulau Borneo. Sebahagian besar etnik Bonggi hidup secara tradisi. Pengaruh luar ternyata tidak banyak memberikan kesan terhadap corak hidup mereka.

Pulau Banggi ialah pulau yang terbesar di Malaysia dengan keluasan 450 hingga 460¹ kilometer persegi. Pulau Banggi terletak di latitud 70 darjah 15' Utara dan merangkumi sebahagian daripada Daerah Kudat, Sabah. Pulau Banggi merangkumi kawasan sepanjang 31 kilometer dan 21 kilometer lebarnya. Kawasan tertinggi ialah Gunung Sinambung dengan ketinggian 550 meter dari paras laut. Pulau bersebelahan dengan Pulau Banggi yang terletak di bahagian Barat ialah Pulau Balambangan. Secara geologinya kedua-dua pulau ini adalah sebahagian daripada tanah besar Borneo.

Sebagai sebuah pulau yang paling utara sekali di Malaysia, pulau ini terletak di kawasan paling utara Pulau Borneo dan bersempadan dengan perairan Filipina di sebelah utara. Pulau Banggi diasingkan daripada tanah besar Sabah oleh Selat Banggi Selatan. Pusat pentadbiran Daerah Kecil Banggi di Karakit, Pulau Banggi terletak sejauh 44 Kilometer dari Pusat

¹ Michael M. Boutin (1990) dan Joseph Pounis Guntavid (2005) menganggarkan luas Pulau Banggi lebih kurang 460 kilometer persegi.



Rumah tradisional etnik Bonggi.

Pentadbiran Daerah Kudat. Perjalanan memalui bot dari Kudat ke Karakit memakan masa 2 jam.

Menurut Tay Buang Leng dalam rencananya “Kepercayaan dan Adat Resam Suku Kaum Bonggi” yang tersiar dalam *The New Sabah Times* pada 2 Disember 2011, masyarakat Bonggi ialah etnik yang sangat berpegang kuat pada adat resam dan kepercayaan tradisi mereka. Misalnya, kepercayaan *rumasi* atau *bebelang* atau *mbelang*. Namun begitu, kedatangan agama Islam dan Kristian sedikit sebanyak memberikan kesan kepada kehidupan tradisi mereka. Sebahagian besar upacara kepercayaan tradisional jarang-jarang diamalkan selepas mereka menganut agama Islam. Salah satu adat kepercayaan mereka ialah upacara menyambut dan memuja sebuah tempayan antik yang dikenal sebagai *belan*. Ritual seperti pesta ini diadakan pada setiap tahun secara besar-besaran untuk meraikan pemujaannya pada masa dahulu. Pemujaan tempayan antik dilakukan pada setiap malam. Walau bagaimanapun, amalan yang digelar *malam*

berunsai ini tidak lagi diadakan sejak kebanyakan mereka menganut agama Islam.

Kepercayaan Animisme

Pagan mempunyai kaitan sepenuhnya dengan kepercayaan animisme. Kepercayaan animisme ialah satu bentuk amalan yang mempercayai bahawa segala benda (pokok, batu, angin, dan lain-lain) mempunyai semangat atau roh. Roh ini dipercayai terdiri daripada makhluk halus yang menghuni tempat-tempat tertentu seperti sungai, batu, pokok kayu, rumah, dapur, tanah, langit, dan lain-lain yang boleh mengganggu dan mendatangkan musibah kepada manusia, apabila manusia mengganggu tempat tinggal mereka.

Kepercayaan animisme ini masih menebal dalam kalangan etnik Bonggi kerana kebanyakan mereka masih pagan, belum lagi beragama. Hanya sejumlah kecil etnik Bonggi telah memeluk agama Islam dan Kristian. Etnik Bonggi yang memeluk Islam boleh ditemui di Kampung Limbuak, Balambangan, Sabur, dan

Karakit. Manakala, etnik Bonggi yang beragama Kristian boleh ditemui di Kampung Palak dan Kapitangan (Pasir Hitam).

Kepercayaan animisme etnik Bonggi menjadi asas terpenting dalam pembentukan adat dan pantang larang mereka. Amalan pantang larang etnik Bonggi wujud melalui pelbagai kaedah perubatan untuk merawat penyakit secara tradisional. Pada zaman dahulu, sebelum hospital dan perubatan moden wujud di Pulau Banggi, kalangan etnik Bonggi akan mengadakan ritual untuk mengubati sesuatu penyakit. Ritual ini dikenal sebagai *bejin*. Mereka yang memerlukan rawatan ini akan memanggil bomoh untuk melakukan ritual tersebut untuk menyembuhkan penyakit atau masalah kesihatan yang mereka hadapi.

Dalam ritual ini, bomoh akan memanggil hantu untuk menyembuhkan penyakit tersebut, diiringi oleh paluan gong yang dikenal sebagai *betegunggu*. Ritual tersebut akan dilangsungkan dari pukul tujuh malam hingga pukul 12.00 tengah malam, dan berterusan sehingga subuh, iaitu dari pukul tiga hingga lima pagi.

Bagi kes penyakit yang tidak begitu serius, bomoh hanya mengambil daun selasih, *kusur* atau *selibangun*, kemudian dibaca jampi, seterusnya disapu di bahagian tubuh yang bermasalah. Adakalanya, pesakit akan diberikan minum herba yang direbus, bergantung pada keadaan pesakit.

Jika penyakit tidak juga sembuh walaupun selepas tiga malam *betegunggu*, ritual itu akan diulang selang tiga hari selepas itu. Bagi penyakit yang serius, bomoh akan menebus hujung jari dengan jarum atau menggunakan pisau untuk mendapatkan darah pesakit tersebut. Darah tersebut akan disapu di bahagian perut pesakit. Walau bagaimanapun, terdapat pantang larang yang perlu dipatuhi dalam ritual ini. Antaranya termasuklah tidak boleh makan kunyit dan ayam, dan tidak boleh berpakaian cantik serta menarik.

Bagi menjayakan kelangsungan hidup, untuk mendapatkan api, mereka akan membuat bahan api yang diperbuat daripada kayu yang dinamakan *firiante*. Mereka yang melakukan kesalahan seperti mencuri, akan dibawa ke

muka pengadilan menghadap ketua kampung atau *nguhume*. Jika sabit kesalahan, pelaku akan didenda dengan membayar sejumlah wang kepada pihak yang mengalami kecurian. Antara pantang larang etnik Bonggi yang lain termasuklah:

1. Larangan membawa bambu, daun nipah, dan buah pinan berserta tandannya masuk ke dalam rumah, kecuali untuk tujuan ritual.
2. Larangan singgah di rumah kawan selepas balik dari tanah perkuburan.
3. Larangan membawa masuk ayam ke dalam rumah.
4. Larangan membuat ketupat kecuali untuk tujuan sembahyang.
5. Larangan membawa gong atau *abandil* masuk ke dalam rumah kecuali rumah tempat sembahyang.

Pelaku yang melanggar pantang larang ini akan dikenakan *sogit* atau denda sebiji celepa tembaga bersaiz lapan inci atau sejengkal.

Demikianlah kehidupan tradisional etnik Bonggi yang terikat dengan pelbagai adat dan ritual yang telah diwarisi daripada nenek-moyang dan akan diwariskan pula kepada generasi akan datang. Begitulah hakikatnya tradisi pewarisan amalan masyarakat ini.

Adat Resam dan Pantang Larang

Terdapat pelbagai adat resam dan pantang larang dalam kalangan etnik Bonggi. Antaranya termasuklah berkaitan kelahiran, perkahwinan, kematian, dan pembinaan rumah. Dalam pembinaan rumah, beberapa jenis bahan atau tumbuhan tidak boleh digunakan. Mengikut tradisi atau kepercayaan etnik Bonggi, tumbuh-tumbuhan yang tidak boleh digunakan ialah semua jenis bambu dan tumbuhan berdaun lebar. Hal ini kerana bambu hanya digunakan dalam pembuatan sumpitan, *santu suong* (bekas air) dan pagar. Manakala, tumbuhan berdaun besar hanya digunakan dalam upacara *rumasi* atau *belelang* atau *malang*. Jika bahan ini digunakan juga, maka dipercayai nasib yang tidak baik akan berlaku, terutama berkaitan dengan soal kematian.

Dalam buku *Beberapa Pantang Larang Suku Kaum Anak Negeri Sabah (Bahagian Satu)* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah pada tahun 2008, pantang larang berkaitan pertanian dan penternakan turut disebutkan. Antara pantang larang tersebut termasuklah larangan meneruskan kerja membersihkan ladang apabila terdengar bunyi burung *mengontil*. Petani hendaklah mencari tempat lain untuk berladang. Etnik Bonggi juga dilarang memakan hasil pertama tuaian padi tanpa lauk. Pelaku akan dikenakan *sogit* atau denda sebiji celepa.

Etnik Bonggi juga dilarang melintas di kawasan ladang orang lain kecuali di jalan yang telah disediakan oleh pemilik ladang. Pelaku akan dikenakan *sogit* atau denda sebiji celepa. Larangan seterusnya ialah memotong tuggul kayu di kawasan ladang. Pelaku akan dikenakan *sogit* atau denda sebiji celepa. Etnik Bonggi juga dilarang memberikan pujian dan mengatakan tanaman tidak menjadi ketika menuai padi. Pelaku yang melanggar larangan ini akan dikenakan *sogit* atau denda sebiji celepa.

Dalam bidang penternakan pula, etnik Bonggi dilarang memukul binatang ternakan orang. Etnik Bonggi yang didapati melakukan hal ini akan dikenakan *sogit* atau denda sebiji *supuh* atau *cepu*.

Adat Resam dan Pantang Larang

1. Kelahiran

Pantang larang dalam etnik Bonggi berkaitan kelahiran bermula sejak peringkat seseorang wanita itu mengandung. Antara pantang larang ketika seseorang wanita itu mengandung adalah seperti yang berikut:

1. Tidak boleh melangkah kaki wanita yang sedang mengandung. Jika terlangkah, dipercayai anak yang dilahirkan nanti akan mengikut perangai orang yang melangkah kaki ibunya.
2. Tidak boleh memarahi wanita yang sedang mengandung, takut nanti wanita itu akan

menguus, iaitu sukar melahirkan anak. Hal ini akan mengakibatkannya berada dalam keadaan yang amat sakit apabila hendak bersalin.

Pantang larang bagi ibu yang baru bersalin pula adalah seperti berikut:

1. Tidak boleh keluar rumah selama 44 hari.
2. Tidak boleh mandi selepas bersalin. Si ibu hanya dibenarkan mandi selepas tiga hari selepas bersalin. Si ibu akan mandi setiap tiga hari selepas itu untuk *punggil* (*kambuh*).
3. Tali pusat bayi yang baharu lahir mesti dipotong oleh bidan kampung dengan menggunakan buluh yang telah ditajamkan.

2. Perkahwinan

Pada masa dahulu, adat yang dikenal sebagai *nguhume* (hukum) dijadikan landasan untuk membicarakan sesuatu kesalahan yang bekaitan dengan perkahwinan. Apabila seorang lelaki etnik Bonggi mencari pasangan, dia akan meminang gadis pilihannya bersama Ketua Kampung yang dilantik oleh penduduk kampung. Apabila pihak perempuan bersetuju, maka tarikh perkahwinan ditetapkan. Berian semasa perkahwinan adalah dalam bentuk duit, *toog* (gong) dan *gadur* (sejenis keris lama).

Dalam tempoh pertunangan, pasangan dilarang berjalan berdua-duaan tanpa keizinan ibu bapa pihak perempuan. Menurut buku *Beberapa Pantang Larang Suku Kaum Anak Negeri Sabah* Bahagian Satu, jika larangan ini tidak dipatuhi oleh pihak lelaki, maka pihak lelaki dikenakan *sogit* atau denda sebiji celepa bersaiz sejengkal dan sebiji *sumbul*.

Pasangan yang menyukai antara satu sama lain, tetapi belum bertunang, dilarang berjalan berdua-duaan. Jika arahan ini tidak dipatuhi, maka pelaku lelaki dikenakan *sogit* atau denda dua biji celepa. *Sogit* atau denda hendaklah diserahkan kepada pihak perempuan. Kedua-dua pihak juga dikehendaki membayar *sogit* sebanyak RM400.00.

Lelaki dan perempuan bujang yang didapati berjalan berdua-duaan pada waktu malam, akan ditangkap basah kerana

Jika larangan berkaitan kematian ini tidak dipatuhi, maka pelaku akan dikenakan *sogit* atau denda sebiji celepa. Celepa itu hendaklah diserahkan kepada si mati.

melakukan kesalahan yang disebut *suat sala*. Jika telah tidur bersama, mereka mesti berkahwin dan akan melalui perbicaraan *nguhume*. Dalam kehidupan berkeluarga pula, suami atau isteri hendaklah memberikan sejumlah wang mengikut kemampuan, tanpa had tertentu kepada pasangannya yang hendak menggunting rambut. Hal ini demikian kerana untuk mengelakkan *sliae*, iaitu denda adat seperti *sogit*.

Lelaki etnik Bonggi yang berkahwin untuk kali kedua dan mempunyai anak, mesti memberikan wang kepada anak-anak dan isteri kerana takut terkena *keluanggane* atau sakit. Kegagalan untuk berbuat demikian menyebabkan dia terpaksa melalui perbicaraan *nguhume*.

Larangan yang perlu dipatuhi berkaitan perkahwinan di bawah umur seperti yang terdapat dalam buku *Beberapa Pantang Larang Suku Kaum Anak Negeri Sabah (Bahagian Satu)* ialah pasangan yang belum cukup umur, tetapi ingin berkahwin, perlu berbincang dengan ketua kampung terlebih dahulu. Jika larangan ini tidak dipatuhi, maka ibu bapa kedua-dua belah pihak akan dikenakan *sogit* atau denda sebiji gong *tatog*.

Kematian

Terdapat beberapa pantang larang dalam kalangan etnik Bonggi seperti yang disebutkan buku *Beberapa Pantang Larang Suku Kaum Anak Negeri Sabah Bahagian Satu* (DBPCS, 2008:18). Antaranya termasuklah:

1. Ahli keluaga si mati dilarang bekerja dan mandi selama tiga hari, bermula dari hari berlakunya kematian. Setelah tempoh larangan ini tamat, ahli keluarga si mati dikehendaki bercukur kepala (lelaki) dan menggunting hujung rambut (perempuan).

2. Ahli keluarga si mati dilarang mengunjungi kubur si mati selama setahun kecuali jika ada ahli keluarga si mati meninggal dunia dalam tempoh tersebut.

3. Ahli keluarga si mati dilarang mengorek atau membakar kubur sama ada dengan sengaja ataupun tidak sengaja dalam tempoh tersebut.

Jika larangan berkaitan kematian ini tidak dipatuhi, maka pelaku akan dikenakan *sogit* atau denda sebiji celepa. Celepa itu hendaklah diserahkan kepada si mati.

Berdasarkanuraian dan penjelasan yang sudah dikemukakan berhubung adat resam dan pantang larang dalam kalangan etnik Bonggi, ternyata adat resam dan pantang larang tersebut mempunyai kepentingan yang sangat relevan dengan etnik tersebut. Melalui adat resam dan pantang larang tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa adat resam dan pantang larang tersebut bukan sahaja merangkumi peringkat kelahiran, perkahwinan dan kematian, malah berkait juga dengan pertanian, penternakan, penghormatan, dan ritual. Adat resam dan pantang larang yang mereka warisi ini membolehkan mereka dapat melalui kehidupan yang harmoni, aman dan saling bekerjasama. Secara tidak langsung dapat mewujudkan perpaduan.

Etnik Bonggi tidak berbeza daripada etnik lain, mempunyai kebudayaan dan adat warisan yang dapat dijadikan panduan untuk menjalani kehidupan dan bermasyarakat. Adat resam dan pantang larang yang telah diwarisi daripada generasi yang terdahulu masih terus diamalkan sehingga sekarang dan seharusnya terus dipelihara dan dikekalkan agar generasi seterusnya boleh mengetahui adat resam dan pantang larang ini sebagai warisan etnik mereka. Mungkin ada cabaran tertentu yang berkaitan dengan perubahan kehidupan dan keperluan semasa, namun adat tetap penting dipelihara. Sebahagian daripada adat resam dan pantang larang ini masih relevan. Oleh hal demikian, maka usaha untuk mengekalkannya perlu dilakukan oleh generasi kini dan generasi akan datang walaupun terpaksa berdepan dengan cabaran pada zaman moden ini.